

10/10/2002

Agensi kerajaan diarah segerakan Meps Cash

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua agensi kerajaan diarah mewujudkan segera sistem perakaunan secara elektronik bagi membolehkan pembayaran melalui rangkaian Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia (Meps) Cash dilaksanakan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, berkata ini sejajar dengan hasrat kerajaan supaya Meps Cash dapat digunakan untuk semua urusan dengan agensi kerajaan yang membabitkan transaksi kewangan.

"Sistem ini perlu dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara. Meps Cash iaitu aplikasi kad debit adalah satu daripada aplikasi yang ada di dalam MyKad," katanya dalam pekeliling terbaru Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pekeliling itu dikeluarkan setelah kerajaan memutuskan bahawa semua rakyat akan mempunyai MyKad menjelang 2005 seperti diumumkan dalam ucapan Bajet 2003 pada 20 September lalu.

Pekeliling bertarikh 3 Oktober itu dihantar kepada semua ketua setiausaha kementerian, ketua Jabatan Persekutuan, setiausaha kerajaan negeri dan ketua Badan Berkanun Persekutuan.

Meps Cash adalah kad tunai yang boleh digunakan bagi membeli-belah manakala Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan (KPPK) atau MyKad mengandungi dokumen pengenalan diri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 itu berkata, semua anak baru lahir akan diberikan Mykad yang akan menjadi dokumen pengenalan dan maklumat diri untuk sepanjang hayat.

Perdana Menteri berkata program itu yang akan dimulakan pada 1 Januari tahun depan akan mengurangkan kerengah mengisi borang ketika berurusan dengan agensi kerajaan dan swasta.

Malaysia adalah negara pertama memperkenalkan Mykad sebagai kad pintar pelbagai guna berasaskan teknologi cip dan biometrik serta mempunyai ciri keselamatan tinggi. Mykad mengandungi maklumat pemegang seperti sijil kelahiran serta maklumat aplikasi awam yang diperlukan untuk berurusan dengan agensi kerajaan.

Selain Meps Cash, Mykad juga diperluaskan meliputi aplikasi ATM dan Touch n Go. Kerajaan merancang beberapa lagi aplikasi untuk dimasukkan dalam Mykad.

Sementara itu, dalam satu lagi pekeliling, Dr Samsudin berkata pindaan dibuat kepada had nilai dan kelas pendaftaran bagi kontraktor kerja awam.

Katanya, bagi tujuan itu, kontraktor kelas A kini boleh didaftarkan kerja projek bernilai melebihi RM15 juta, RM5 juta hingga RM15 juta (kelas B), RM2 juta hingga RM5 juta (kelas C), RM500,001 hingga RM2 juta (kelas D), RM200,001 hingga RM500,000 (kelas E) dan sehingga RM200,000 bagi kelas F.

Beliau berkata, kriteria baru pendaftaran kontraktor kerja awam dan had modal berbayar mengikut kelas akan dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).